

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : YB DATO' NORAINI BINTI AHMAD  
[ PARIT SULONG ]  
TARIKH :  
SOALAN :**

**YB Dato' Noraini Binti Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan akan menaik taraf infrastruktur dan membaik pulih alat-alat rawatan di setiap hospital negeri di seluruh negara agar menjadi lebih kondusif seperti penambahbaikan yang telah dilaksanakan di Hospital Kuala Lumpur (HKL).

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman, sehingga Disember 2015, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempunyai sebanyak 143 hospital di seluruh negara. KKM sentiasa memantau kemudahan dan akan membaikpulis alat-alat rawatan di hospital-hospital awam seluruh negara termasuk hospital-hospital negeri bagi memastikan ianya selaras dengan perkhidmatan yang disediakan atau dirancang. Usaha-usaha ini telah dijalankan oleh KKM secara berterusan mengikut keperluan pada setiap Rancangan Malaysia selaras dengan status fizikal dan perkhidmatan semasa. Selain dari itu, peningkatan beban kerja selaras dengan pertambahan

penduduk dalam kawasan liputan juga diambil kira dalam perancangan naiktaraf hospital.

Di antara usaha-usaha yang dijalankan adalah pembinaan hospital baharu, pembinaan hospital gantian, pembinaan blok tambahan untuk hospital sedia ada, menaiktaraf hospital sedia ada, dan juga baik pulih serta ubah suai bangunan sedia ada. Pembelian dan penggantian peralatan untuk rawatan juga dijalankan mengikut keperluan.

Walaupun bagaimanapun memandangkan keperluan naiktaraf serta penggantian peralatan melibatkan kos yang tinggi maka cadangan kerja-kerja menaiktaraf perlu dilaksanakan secara berfasa atau berperingkat selaras dengan peruntukan yang boleh disediakan.